

→ ISU

Pembangkang prejedis guna media asing untuk raih sokongan

HARGA RINGGIT ASING DENGAN SISTEM PEMERINTAHAN

aporan media antarabangsa yang sentiasa pilih kasih dan berat sebelah terhadap Malaysia, semangnya sudah lama diketahui.

Atas prinsip kebebasan media, media antarabangsa sanggup memaparkan laporan berat sebelah, malah berniat jahat untuk menjatuhkan pemimpin tertentu selain mengkritik dasar kerajaan tanpa asas yang kukuh.

Sebelum ini, usaha kerajaan dalam operasi mencari dan menyalamat pesawat MH370 turut dipersenda oleh media antarabangsa, dengan mendakwa kerajaan tidak cukup serius dan bersedia mengerakkan operasi tersebut.

Laporan seumpama ini boleh memberi gambaran negatif kepada Malaysia dan ia sangat tidak adil tanpa melihat keseluruhan apa yang berlaku dan telah diusahakan.

Isu hak asasi manusia turut menjadi fokus media asing memburukkan Malaysia apabila negara sangat bertegas terhadap pengamalan hak asasi manusia secara membata tuli mengikut acuan Barat.

Barat sememangnya tidak senang dengan pengamalan hak asasi manusia oleh Malaysia yang dikatakan bercanggah dengan aspirasi Barat.

Komentar



**Mohd Izani
Mohd Zain**

Prof Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felo Bersekutu, Majlis Profesor Negara (MPN)

Sedangkan, amalan hak asasi manusia di negara masih lagi ber tunjangan nilai agama dan budaya tempatan yang langsung tidak boleh dikesampingkan.

Pejuang hak asasi Barat yang sebahagianya juga aktivis dalam parti pembangkang menjadi penyambung lidah media asing, malah mendakwa Malaysia tidak mempromosi hak asasi manusia yang sebenar.

Niat buruk The Economist

Semalam, satu lagi laporan media antarabangsa bertajuk *Malaysia's PM is about to steal an election* yang diterbitkan dalam majalah *The Economist* mencuri perhatian banyak pihak.

Seperti biasa, laporan sebegini bukanlah suatu perkara baharu, malah ia adalah kesinambungan

daripada niat jahat media antarabangsa untuk memburukkan pemimpin tertentu dan Malaysia sejak sekian lama.

Laporan tersebut turut mem pertikaikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu kerana faktor undi popular, malah mengkritik sistem elektoral negara yang dikatakan tidak adil.

Kritikan ini sangat tidak berasas kerana sistem elektoral di negara mengamalkan sistem *first past the post*, iaitu menggunakan kaedah pembahagian kawasan pilihan raya kepada beberapa kawasan.

Sistem elektoral Amerika Syarikat juga sama seperti di Malaysia kerana tidak menggunakan sistem undi popular, sebaliknya sistem perwakilan.

Jika menggunakan undi popular, mana mungkin Donald Trump boleh memenangi Pilihan Raya Presiden pada November tahun lalu.

Dalam kes ini, Donald Trump memiliki undi sebanyak 62,984,825 undi atau 46.4 peratus manakala Hillary Clinton memperolehi undi sebanyak 65,853,516 undi atau 48.5 peratus.

Akan tetapi, mengikut sistem *first past the post*, Donald Trump memenangi pilihan raya dengan 306 undi elektoral berbanding hanya 232 oleh Hillary Clinton.

Begitulah laporan media asing yang cakap tidak serupa bikin. Mereka melaungkan sesuatu isu sedangkan hal dalaman sendiri berat sebelah media asing terhadap Malaysia khususnya.

Laporan seumpama ini pastinya memberi 'nasi tambah' kepada pembangkang untuk mengkritik kerajaan. Malah, laporan tersebut dikutip oleh portal pro-pembangkang yang boleh menyuntik persepsi negatif terhadap kerajaan dalam kalangan pembaca.

Jaja cerita buruk negara

Tidak dinafikan, pembangkang sering kali merujuk laporan media antarabangsa dalam kempen dan kritikan mereka terhadap kerajaan. Bahkan, laporan seumpama ini dijaja dan dijadikan bahan kempen mereka untuk menaikkan sokongan rakyat.

Hal ini sangat ironi apabila ada dalam kalangan pemimpin pakaian pembangkang, dahulunya sangat mengkritik laporan media asing yang berat sebelah, tetapi kini lebih mempercayai dan menggunakan sumber luar.

Mereka seolah-olah lebih percaya dan akur kepada media antarabangsa yang tidak memahami sesuatu isu tempatan secara lebih mendalam berbanding media tempatan.

Jika kita masih ingat lagi semasa era reformasi selepas pemecatan mantan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, media asing menjadi jaguh dan hakim kepada situasi politik negara. Gerakan reformasi mendapat tempat luar biasa dalam media asing malah pernah menjadi penghias muka hadapan majalah antarabangsa.

Menjelang pilihan raya, laporan media asing sangat dinanti khususnya oleh pembangkang, kerana ia dilihat senjata mudah untuk menjatuhkan kerajaan. Akses kepada teknologi yang sangat terbuka memudahkan penyebaran berita atau laporan media asing secara viral.

Pembangkang harus lebih bertanggungjawab untuk tidak menggunakan laporan media sebegini untuk kempen pilihan raya. Mereka perlu lebih beretika dan jauh sekali menggunakan sumber asing yang tidak memahami realiti sebenar negara.

Lebih membimbangkan, kita khawatir jika wujud gerakan dalam parti pembangkang memburukkan kerajaan dan negara menggunakan media asing, semata-mata untuk meraih sokongan dan kemenangan dalam pilihan raya. Sikap matlamat menghalalkan cara ini perlu dihentikan demi keharmonian kita bersama.